

Siapa jaga data pengguna?

Kuala Lumpur: Data peribadi orang ramai boleh dibeli pihak tertentu untuk pelbagai tujuan seperti promosi judi dalam talian kerana penyelenggaraan data tidak selamat.

Itu kesimpulan situasi dihadapi pengguna hari ini apabila wujud pemilik premis yang bukan sahaja merekodkan data pengguna tanpa pautan rasmi kerajaan sebaliknya menggunakan kaedah sendiri.

Pakar Keselamatan Siber Fong Chongg Fook berkata, wujud pihak yang menggunakan pendekatan sendiri dalam melakukan rekod kemasukan pengunjung di

premis mereka menggunakan sistem diragui tahap penyelenggaraannya.

“Contoh, jika mereka menggunakan Google Forms sebagai kaedah rekod pengunjung, wujud persoalan siapa yang memantau setiap rekod kemasukan itu dan adakah wujud potensi ia disebarkan kepada pihak ketiga atau data berkenaan dibeli pihak lain.

“Selain itu, persoalan berhubung adakah mereka mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang termaktub atau sebaliknya. Hal ini berlaku apabila kurang seliaan pelaksanaan oleh agensi berkai-

tan, malah ada pengusaha menggunakan kaedah serta membangunkan aplikasi mereka sendiri,” katanya.

Fong berkata, isu ini mungkin baharu bagi rakyat negara ini namun dengan nombor telefon serta nama, pihak ketiga boleh menjualnya kepada pihak lain kerana ia juga data sensitif.

Beliau berkata, perkara paling membimbangkan jika ada pihak melakukan analisis corak pergerakan seseorang pengguna, mereka boleh mengetahui berapa kali individu A mengunjungi lokasi tertentu serta kekerapan.

“Data berkenaan juga boleh dijadikan asas kepada kejadian jenayah. Oleh itu, kami sangat menekankan aspek keselamatan perlindungan data peribadi supaya tidak disalah guna pihak lain yang berkepentingan.

“Kerajaan seharusnya meletakkan garis panduan rasmi MySejahtera memandangkan ia pautan rasmi kerajaan yang semestinya diselenggara dengan baik,” katanya.

Beliau menasihati pengguna meletakkan nombor telefon saja tanpa nama bagi pautan tidak diselenggarakan kerajaan untuk mengelakkan risiko lain.